


**SILA BACA IKLAN DI BAWAH DENGAN TELITI  
SEBELUM MENGISI BORANG PERMOHONAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**



**INSTITUT DATO' ONN**

**ARAS 5, NO. 3, JALAN MEDINI UTARA 1,  
BANDAR MEDINI ISKANDAR MALAYSIA,  
79200 ISKANDAR PUTERI,  
JOHOR DARUL TA'ZIM.**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan bagi jawatan sepertimana berikut:-

**SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI TADBIR**  
**KLASIFIKASI : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED JAWATAN : N 41**  
**TARAF JAWATAN : KONTRAK**

## **SKIM PERKHIDMATAN**

### **PEGAWAI TADBIR**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENTADBIRAN DAN SOKONGAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>N41</b>
		<b>GAJI MINIMUM : RM 2,080.00</b>
		<b>GAJI MAKSIMUM : RM 9,546.00</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>KONTRAK</b>

#### **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau  
(ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

#### **LATIHAN**

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

#### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

5. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

## **CARA MEMBUAT PERMOHONAN :**

1. Permohonan hendaklah diisi secara atas talian di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my>
2. Borang-borang yang telah sempurna diisi hendaklah disertakan **SALINAN YANG DIAKUI SAH** bagi dokumen-dokumen seperti berikut :
  - i. Resume terkini
  - ii. Salinan Sijil Kelahiran
  - iii. Salinan Kad Pengenalan
  - iv. Salinan Sijil SRP/ PMR / PT3
  - v. Salinan Sijil SVM / SPM / SKM Tahap 3 / SKM Tahap 2
  - vi. Salinan Sijil Doktor Falsafah / Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda
  - vii. Salinan Sijil Akademik dan lain-lain kelayakan yang berkaitan
  - viii. Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan (Sijil / Diploma / Ijazah) dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang boleh dilakukan melalui pautan : <https://www.2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
3. Pemohon dikehendaki melengkapkan semua maklumat kelayakan akademik semasa mengisi Borang Permohonan.  
(Permohonan akan ditolak sekiranya tidak melengkapkan syarat sebagaimana dinyatakan).
4. Hanya pemohon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 03 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
6. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga (jika berkenaan) adalah menjadi tanggungjawab pemohon sendiri.

---

**Tarikh Tutup Permohonan : 14 OKTOBER 2024**